

DYNAMOL CAPSULE

Paracetamol (500 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dynamol Capsule
2. Bagaimana Dynamol Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dynamol Capsule
4. Cara menggunakan Dynamol Capsule
5. Semasa menggunakan Dynamol Capsule
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dynamol Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dynamol Capsule

Digunakan untuk melegakan demam, kesakitan datang bulan, sakit gigi, sakit kepala, sakit otot dan sakit berkaitan demam selsema dan selsema.

Bagaimana Dynamol Capsule berfungsi

Paracetamol bertindak dengan menghalang penghasilan bahan seperti hormon yang terlibat dalam pelbagai fungsi badan seperti pengecutan dan pengenduran otot, pengembangan dan penyempitan saluran darah, kawalan tekanan darah dan modulasi keradangan. Ia memberi kesan terhadap otak yang mengawal suhu badan.

Sebelum menggunakan Dynamol Capsule

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan jika anda mempunyai:

- Hipersensitiviti terhadap Paracetamol atau lain-lain bahan kandungan di dalam produk ini.

- Sebelum mula menggunakan Dynamol Capsule

Beritahu doktor jika anda mempunyai masalah-masalah berikut:

- Masalah hati dan buah pinggang.

Mengandung dan menyusukan anak
Tiada laporan berkaitan kesan-kesan advers ubat.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Dynamol Capsule.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Paracetamol tidak boleh diambil secara serentak dengan

- Alkohol
- Cholestyramine (diguna untuk mengurangkan kolesterol)
- Warfarin (menghalang pembekuan darah)
- Metoclopramide atau Domperidone (merawat loya dan muntah-muntah).

Cara menggunakan Dynamol Capsule

- Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak 12 tahun dan ke atas: 1 kapsul

Dewasa: 2 kapsul

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Hendaklah diambil 3 hingga 4 kali sehari (tidak lebih daripada 4 dos dalam masa 24 jam melainkan diarah oleh doktor).

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dynamol Capsule untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jangan melebihi dos yang disyorkan atau guna lebih daripada 10 hari melainkan diarah oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tanda-tanda awal keracunan Paracetamol adalah loya dan muntah-

muntah. Ini kebiasaannya diikuti dengan sakit dan nyeri pada bahagian kanan di kawasan abdomen di bawah tulang rusuk. Dos berlebihan boleh menyebabkan kerosakan hati yang dikenalpasti dengan kekuningan pada kulit dan mata, pendarahan gastro-usus dan kandungan gula yang rendah dalam darah.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Dynamol Capsule

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dynamol Capsule.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Dynamol Capsule kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Paracetamol tidak boleh diambil secara serentak dengan ubat yang bertindak ke atas hati.

Penyediaan ini mengandungi PARACETAMOL. Jangan ambil ubat lain yang mengandungi Paracetamol pada masa yang sama.

Kesan-sesan sampingan

Kesan-sesan sampingan Dynamol Capsule selalunya ringan. Loya, ketidaksesuaian gastro-usus, ruam-ruam dan alergi telah berlaku.

Amaran alergi: Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk, kemerahan kulit, melepuh atau ruam-ruam. Perkara ini boleh menjadi tanda-tanda untuk keadaan yang teruk. Jika

DYNAMOL CAPSULE

Paracetamol (500 mg)

reaksi-reaksi ini berlaku, hentikan penggunaan dan rujuk bantuan perubatan dengan segera.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Tarikh kemaskini RiMUP

02/05/2018

Nombor siri:

NPRA(R4/1)040418/00093

Cara penyimpanan dan pelupusan

Dynamol Capsule

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak
Lindungi daripada cahaya
Simpan di tempat kering di bawah 30°C
Pastikan bekas ditutup rapat

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul lutsinar dan merah dengan granul berwarna biru dan kuning.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Paracetamol

- Bahan-bahan tidak aktif

Brilliant Blue, Quinoline Yellow & Gelatin 240/250 Bloom.

- Nombor MAL

MAL20014530XZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran

Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.